

15 SEP 1998

Persatuan-Mahathir

PERSATUAN MALAYSIA DI AS SOKONG DR M

NEW YORK, 15 Sept (Bernama) -- Persatuan Malaysia di Amerika Syarikat hari ini memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas keputusannya memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan demi kepentingan negara.

Persatuan itu, yang anggotanya terdiri daripada rakyat Malaysia keturunan Cina yang kini bekerja dan bermastautin di New York, juga yakin bahawa Dr Mahathir mampu membawa Malaysia keluar dari kegawatan ekonomi yang melanda negara.

"Kami menyokong penuh setiap usaha dan tindakan kerajaan Malaysia dalam menangani cabaran semasa dan akan berdiri teguh bersama Datuk Seri," kata pengerusinya, Encik K.S. Bong dalam sepucuk surat kepada Perdana Menteri.

Bong menyerahkan surat tersebut kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz di sini.

Rafidah hari ini melancarkan seminar "Peluang Perniagaan di Malaysia" anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang dihadiri oleh eksekutif-eksekutif Amerika Syarikat dari pelbagai sektor.

Beliau akan membawa seminar yang sama ke kota-kota besar di Amerika Syarikat seperti Chicago, Boston dan Houston mulai esok sehingga 18 Sept.

Dalam satu sesi dialog, Rafidah menjelaskan kepada para peniaga dan pelabur isu pemecatan Anwar yang katanya disebabkan masalah moral dan bukan disebabkan "pergeseran" pendapat politik atau ekonomi antara Anwar dan Dr Mahathir.

"Seperti juga di mana-mana negara, ketua eksekutif mempunyai kuasa untuk melantik dan memecat...itu hak dia," katanya sambil menambah, tindakan Perdana Menteri itu mendapat sokongan penuh Kabinet Malaysia dan anggota-anggota UMNO.

Beliau berkata, Anwar yang juga bekas muridnya itu telah melanggar nilai-nilai dan alasan bagi memecatnya adalah "sah dan terpaksa". Anwar ialah salah seorang penuntut Rafidah semasa beliau menjadi pensyarah di Universiti Malaya.

Rafidah, yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO, berkata MT mempunyai hak untuk memecat Anwar daripada parti kerana dakwaan salahlaku.

"Kami telah memberikan kesempatan kepada Anwar untuk mempertahankan dirinya, kami telah mendengar hujahnya, malangnya, dia gagal meyakinkan kami.

"MT telah meminta Anwar meletakkan jawatan sebagai timbalan presiden dan mengundurkan diri daripada parti secara sukarela tetapi apabila dia enggan, kami mengambil keputusan sebulat suara untuk memecatnya," katanya.

-- BERNAMA

SH KHY